

23 SEP 2002

Ling-KTMB

PELARASAN GAJI 10 PERATUS UNTUK KAKITANGAN BUKAN EKSEKUTIF KTMB

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Kakitangan bukan eksekutif Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) akan menerima pelarasan gaji sebanyak 10 peratus berkuatkuasa Januari tahun ini, kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Semasa mengumumkan perkara itu, beliau berkata kakitangan eksekutif pula akan mendapat pelarasan sebanyak 10 peratus berkuatkuasa Januari tahun depan.

"Pelarasan gaji ini diharap akan diiringi dengan peningkatan produktiviti para pekerja KTMB," katanya pada sidang berita selepas merasmikan Persidangan perwakilan Kesatuan Pekerja-pekerja KTMB (KPPKTMB) di sini, hari ini.

Menurutnya kesatuan itu telah melaksanakan tanggungjawab membuat tuntutan yang munasabah berhubung pelarasan gaji dan adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menimbangkannya.

Presiden KPPKTMB, Abdul Razak Md Hassan berkata kesatuan menghantar surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebanyak dua kali tahun ini memohon pelarasan itu.

Beliau berkata walaupun pelarasan itu dituntut hanya kepada pekerja bukan eksekutif, tetapi kerajaan "bermurah hati" untuk turut membuat pelarasan kepada kakitangan eksekutif tahun depan.

Menurutnya pelarasan itu akan meningkatkan semangat kerja di kalangan kakitangan KTMB untuk memastikan mereka menyediakan perkhidmatan yang terbaik.

-- BERNAMA

AZH AZZ NAK